

<b>Headline</b>	<b>Pegawai penyelidik Frim terima anugerah di Jepun</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>01 Dec 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>42</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>181 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,301</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,903</b>



## Pegawai penyelidik Frim terima anugerah di Jepun



Tnah melakukan kerja lapangan di Hutan Simpan Sg Karang, Selangor.



Tnah menjalankan kajian di makmal genetik Frim.

PEGAWAI penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Dr Tnah Lee Hong, menerima anugerah *Japanese International Award for Young Agricultural Researchers 2013* sebagai pengiktirafan kecemerlangan dalam penyelidikannya pada majlis penghargaan di Tokyo, 20 November lalu.

Penerima anugerah tahun ini diumumkan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) Jepun baru-baru ini, bagi mengiktiraf pencapaian penyelidikan cemerlang penyelidik muda dalam menyumbang kepada inovasi teknologi masa depan.

Pemilihan tiga penerima anugerah dibuat setiap tahun sejak 2007 oleh Majlis Penyelidikan Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (Agriculture, Forestry and Fisheries Research Council atau AFFRC). Tujuan

anugerah ini adalah bagi meningkatkan motivasi di kalangan penyelidik muda untuk menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan industri berkaitan di negara-negara membangun.

Tnah yang bekerja di Makmal Genetik Bahagian Bioteknologi FRIM dipilih berdasarkan penyelidikannya berkenaan pembangunan sistem pengesahan kayu untuk spesies kayu penting, iaitu chengal atau *Neobalanocarpus heimii* (Dipterocarpaceae) dengan menggunakan pendekatan DNA.

Beliau juga pernah menerima Anugerah Pelajar Cemerlang dalam Sains Perhutanan dari International Union of Forest Research Organisations atau IUFRO di Kongres Sedunia IUFRO ke-23 pada tahun 2010.